*Journal of Al-Tamaddun, Vol. 18 (2), 2023, 205-216*
https://doi.org/10.22452/JAT.vol18no2.14

# Impak Amalan Wakaf terhadap Pemerintahan Kerajaan 'Uthmaniyyah di Bosnia & Herzegovina pada abad ke 15M hingga 17M
## (*Waqf Impact towards Ottoman Reigns in Bosnia and Herzegovina during 15th to 17th Century*)

Nur Ainul Basyirah Alias,* Shamsul Azhar Yahya** & Ermy Azziaty Rozali***

**Abstrak**

Pemerintahan kerajaan 'Uthmaniyyah di Semenanjung Balkan telah bermula pada abad ke-14M dan bertahan sehingga abad ke-19M. Sepanjang pemerintahan ini, antara elemen penting yang dilakukan ialah pembangunan wakaf dalam setiap aspek seperti ekonomi dan sosiobudaya. Pada awalnya, institusi wakaf ini kebanyakannya diasaskan oleh golongan pemerintah dan mereka yang mempunyai status tinggi dalam kalangan masyarakat tempatan. Melalui penubuhan institusi tersebut, ia memberikan impak yang besar dalam politik dan pemerintahan kerajaan 'Uthmaniyyah. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis impak amalan wakaf terhadap politik dan pemerintahan 'Uthmaniyyah di sekitar Bosnia & Herzegovina dalam dua abad keemasan kerajaan tersebut iaitu abad ke-15M sehingga abad ke-17M. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif berbentuk kajian sejarah dan mengumpulkan data menggunakan kaedah analisis dokumen daripada pelbagai sumber yang berautoriti. Dapatan kajian mengenal pasti bahawa terdapat tiga impak wakaf ke atas pemerintahan 'Uthmaniyyah di Bosnia & Herzegovina dalam tempoh tersebut. Sebagai contoh, ia membantu mengukuhkan kuasa pemerintah 'Uthmaniyyah meski pun tidak secara langsung. Keadaan ini dilihat daripada permulaan amalan wakaf melalui keterlibatan pembesar 'Uthmaniyyah yang berasal dari Bosnia sekaligus berlaku penerapan dan persepaduan sistem pendidikan 'Uthmaniyyah ke dalam masyarakat tempatan melalui institusi wakaf yang dibina contohnya *medrese*. Selain itu, melalui pembangunan wakaf yang berterusan, ia mampu menstabilkan pemerintahan 'Uthmaniyyah di wilayah tersebut. Ini kerana, rakyat melihat pemerintah mampu membawa kemakmuran ekonomi kepada mereka di samping proses Islamisasi yang semakin rancak berlaku kerana bantuan daripada dana wakaf tunai yang diperuntukkan bagi kegiatan ini. Ini membawa kesan kepada peningkatan jumlah umat Islam seterusnya menjadikan agama Islam sebagai agama yang dominan di wilayah tersebut. Kesimpulannya, amalan wakaf yang berunsurkan kebajikan dan perkhidmatan percuma ini bukan sahaja dianggap mampu memberi impak kepada sokongan masyarakat terhadap kerajaan bahkan boleh memberikan gambaran buruk jika ia tidak diuruskan dengan baik oleh pemerintah.

**Kata kunci:** Wakaf, politik, pemerintahan Kerajaan 'Uthmaniyyah, Bosnia & Herzegovina, Semenanjung Balkan

***Abstract***

*The Ottoman rule in the Balkan Peninsula began in the 14th century and lasted until the 19th century. However, there are also small provinces such as Serbia that demanded independence earlier while there are also other provinces that are still under the reign after the 19th century. Among the important elements in carrying out development in their territories is by implementing waqf practices in every aspect such as economy and socio-culture. Initially, these endowment institutions were mostly founded by the ruling class and those with high status in the local community. Through this establishment gave a great impact in the politics and government of the Ottoman government either from a positive or negative perspective. Therefore, this study aims to analyze the impact of waqf practices on the politics and rule of the 'Ottomans in Bosnia & Herzegovina during the golden centuries of the kingdom, namely the 15th century to the 17th century. This study was conducted using qualitative methods in the form of historical research and collecting data using document analysis methods from various authoritative sources. The results of the study found that there were impacts on the practice of waqf in Bosnia & Herzegovina during that period. For example, it helped strengthen the power of the Ottoman even*

* Nur Ainul Basyirah Alias (corresponding author) (PhD), Lecturer, Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia. Email: basyirah90@fsk.upsi.edu.my.
** Shamsul Azhar Yahya (PhD), Research Fellow, The Institute of Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: hjshamsul@ukm.edu.my.
*** Ermy Azziaty Rozali (PhD), Associate Professor, Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies & The Institute of Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: ermy@ukm.edu.my.

*though not directly. This situation can be seen from the beginning of the practice of waqf through the involvement of Ottoman dignitaries who were from Bosnia, at the same time applying and integrating the Ottoman education system into the local community through waqf institutions that were built such as medrese. In addition, through the continuous development of waqf, it was able to stabilize the Ottoman rule in the region. This is because, the people see the government were able to prosper the economy for them while the Islamization process is becoming more and more vigorous due to the assistance from the cash waqf fund allocated for this activity. This led to an increase in the number of Muslims, making Islam the dominant religion in the region. In conclusion, the practice of waqf which is based on welfare and free services is not only considered to have an impact on community support but also can give a bad impression if it is not well managed by the government.*

***Keywords:*** *Waqf, politics, Ottoman Reigns, Bosnia & Herzegovina, Balkan Peninsula*

## Pengenalan

Pelaksanaan wakaf secara amnya sering dikaitkan dengan perbuatan kebajikan dan berunsurkan *taqarrub* kepada Allah s.w.t. Ia amat sinonim dengan maksud sedekah jariah yang dinyatakan dalam beberapa hadis Rasulullah s.a.w.[1] dan ayat-ayat al-Quran.[2] Di sepanjang pemerintahan Islam pula, wakaf memainkan peranan yang penting dalam masyarakat untuk membiayai aktiviti mereka.[3] Kini, peranan wakaf dan institusinya bukan sahaja meliputi aspek keagamaan tetapi juga merangkumi sudut pendidikan, menyediakan keperluan harian seperti makanan, menampung fasiliti kebersihan, ekonomi dan perniagaan serta kesihatan. Walaupun wakaf adalah amalan Islam, tetapi manfaatnya tidak diberikan kepada umat Islam sahaja tetapi juga membantu golongan bukan Islam. Malah, ia juga tidak mendiskriminasikan mana-mana penerima wakaf yang mempunyai latar belakang yang berbeza dengan pewakaf. Sebagai contoh, perkhidmatan di hospital wakaf dan dapur awam yang disediakan bukanlah hanya diberikan kepada orang Islam sahaja tetapi golongan bukan Islam turut memperoleh manfaat daripadanya. Walau bagaimanapun, wakaf yang berbentuk keagamaan seperti pembinaan masjid hanya terhad kepada kegunaan umat Islam sahaja.

Pada kebiasaannya, wakaf sering dikaitkan dalam korpus dan perbincangan sistem sosial[4] dan ekonomi seperti mana yang dibincangkan oleh sarjana di Barat mahupun Timur. Rata-ratanya menyentuh kesan wakaf terhadap ekonomi dan perbandaran sesebuah wilayah terutamanya kawasan yang baru dikuasai. Keadaan ini dapat dilihat ketika pembangunan semula bandar Istanbul bermula pada tahun 1453M selepas tentera ‘Uthmaniyyah berjaya menguasainya. Begitu juga dengan sebahagian besar urbanisasi bandar-bandar di Bosnia & Herzegovina yang sebelumnya merupakan sebuah kerajaan kecil di bawah penguasaan Hungary. Namun begitu, terdapat sisi lain berkaitan wakaf yang perlu diteliti lebih-lebih lagi ia menyangkut hal yang berkaitan politik dan pemerintahan secara langsung dan tidak langsung. Malah, sudut ini dilihat mempunyai impak yang signifikan dalam kelangsungan pemerintahan ‘Uthmaniyyah di wilayah Semenanjung Balkan.

Asas pandangan ini sebenarnya telah dinyatakan oleh Amy Singer yang berpendapat bahawa perkara berkaitan kebajikan ini bukan sahaja menyentuh tentang sumbangan dan perkhidmatan percuma kepada masyarakat, tetapi ia juga turut mengheret persoalan bagaimana hal kebajikan digunakan dalam mendapatkan kuasa dan status seseorang.[5] Oleh yang demikian, fokus perbincangan ini hanya terarah kepada impak amalan wakaf kepada pemerintahan ‘Uthmaniyyah dengan menumpukan kesannya terhadap keperluan ekonomi dan pembangunan aktiviti masyarakat yang berbilang bangsa dan agama di Bosnia & Herzegovina.

---

[1] Antara hadisnya ialah berkaitan amalan wakaf Umar al-Khattab di Khaibar. Rujuk Al-Bukhārī (2002), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, kitab *al-syurūt*, bab *al-syurūt fi al-waqaf*, ḥadīth no. 2737, h. 675. Amalan wakaf ini juga dinyatakan dalam hadis umum tentang sedekah jariah yang menjamin ganjaran yang berterusan seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥanbal (1995), *al-Musnad* juz 9, bab *al-janāiz*, ḥadīth no. 8830, h. 21.

[2] Salah satu ayat yang dikaitkan dengan wakaf ialah ayat al-Quran Surah alī-‘Imran ayat 92.

[3] Siti Mashitoh Mahamood dan Asmak Ab Rahman (2015), “Financing Universities through Waqf, Pious Endowment: Is It Possible?,” *Humanomics*, Jil. 31, Bil. 4, h. 431.

[4] Gabriel Baer (1997), “The Waqf as a Prop for the Social System (Sixteenth-Twentienth Centuries),” *Islamic Law and Society*, Jil. 4, Bil. 3, h. 264-297.

[5] Amy Singer (2008), *Charity in Islamic Societies*, Cambridge, UK: Cambridge University Press, h. 220-222.

## Pemerintahan 'Uthmaniyyah di Bosnia & Herzegovina

Bosnia & Herzegovina terletak di wilayah Semenanjung Balkan dalam kawasan Tenggara Eropah yang meliputi wilayah kecil seperti Croatia, Macedonia, Montenegro, Serbia, Albania, Bulgaria, Kosovo serta sebahagian kecil Turki dan Greece.[6] Oleh kerana ia berhampiran dengan wilayah Anatolia[7] dan juga merupakan pintu masuk ke bahagian Eropah, Semenanjung Balkan dilihat sebagai tempat yang strategik untuk dikuasai oleh kerajaan 'Uthmaniyyah. Usaha tersebut mula dilakukan pada tahun 1332M iaitu sejak pemerintahan Sultan 'Uthman I[8] lagi. Pada ketika itu, beliau sudah pun berjaya menguasai sebahagian kecil wilayah di Anatolia. Usaha berterusan yang dibuat oleh tentera 'Uthmaniyyah ini termasuklah menyertai beberapa peperangan di wilayah tersebut seperti perang Kosovo, perang Maritsa dan perang Nichopolis dalam menentang kemaraan tentera Salib.

Selepas lebih satu abad usaha tersebut dijalankan, ia mula membuahkan hasil apabila kerajaan 'Uthmaniyyah berjaya mengalahkan Raja Bosnia terakhir iaitu Stjepan Tomašević. Kesempatan ini diambil apabila berlakunya ketidakstabilan dalam pemerintahan Kristian di wilayah itu, ditambah pula kemaraan tentera 'Uthmaniyyah yang begitu pantas untuk menguasai Semenanjung Balkan selepas berjaya mendapatkan Istanbul pada tahun 1453M. Perubahan pemerintahan ini telah mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan penduduk tempatan sama ada secara positif atau negatif. Namun begitu, sebahagian penduduk sudah pun mengalu-alukan kedatangan bahkan mengiktiraf mereka sebagai pemerintah hatta sebelum penguasaan 'Uthmaniyyah ke atas Bosnia pada tahun 1463M.[9]

Rentetan daripada perjanjian damai ('*Ahdname*)[10] yang dimeterai pada tahun 1463M, dapat dikenal pasti pelbagai perkembangan yang berlaku ke atas wilayah Bosnia & Herzegovina di samping pembangunan institusi berasaskan dana wakaf. Pemerintah 'Uthmaniyyah bertanggungjawab dalam menggalakkan usaha pengembangan amalan wakaf ini secara besar-besaran. Ia dilakukan dengan cara mengasingkan sebahagian pendapatan awam melalui penyerahan tanah atau seluruh hasil kampung untuk menampung wakaf tertentu. Melalui kaedah ini, bandar-bandar seperti Sarajevo, Mostar, Banja Luka dan Visoko menjadi tumpuan para pedagang kerana fasiliti lengkap yang disediakan untuk mereka. Bahkan, kewujudan penempatan baru yang dimulakan oleh binaan wakaf dapat dilihat seperti di kawasan Donji Vakuf, Gornji Vakuf, Skender Vakuf dan Kulen Vakuf.[11] Amalan ini tersebar dengan sangat meluas di Bosnia & Herzegovina sehingga wilayah tersebut digelar sebagai '*the land of waqf*'.[12]

## Perkembangan Wakaf di Bosnia & Herzegovina pada tahun 1463M hingga abad ke-17M

Sebagai mana yang berlaku ketika awal penguasaan Istanbul, pemerintah 'Uthmaniyyah mendahulukan amalan wakaf sebagai ajaran Islam yang mula-mula dilaksanakan di wilayah baru sebagai sebuah instrumen pembangunan sosioekonomi.[13] Hal ini turut berlaku ketika tentera 'Uthmaniyyah sedikit demi sedikit menguasai wilayah Semenanjung Balkan. Kawasan perkampungan kecil serta kemudahan harian yang tidak mencukupi telah mendorong orang 'Uthmaniyyah untuk menubuhkan institusi wakaf di tempat-tempat tersebut. Semangat mereka dalam membawa ajaran Islam lebih-lebih lagi memperkenalkan wakaf merupakan salah satu sebab wujudnya bangunan wakaf yang banyak di wilayah itu.

---

[6] John B. Allcock (t.t.), "Balkans," *Encyclopedia Britannica*, dicapai 18 Mac 2022, https://www.britannica.com/place/Balkans/Economic-collapse-and-nationalist- resurgence.

[7] Anatolia merupakan wilayah yang merangkumi negara Asia yang mempunyai padang rumput, berhampiran dengan pantai Mediterranean dan kawasan hutan Eropah Tengah. Lihat Gordon P. Merriam (1926), "The Regional Geography of Anatolia," *Economic Geography*, Jil. 2, Bil. 1, h. 86-107.

[8] Sultan 'Uthman I atau lebih dikenali sebagai Osman Gazi adalah pengasas kerajaan 'Uthmaniyyah pada tahun 1299M. Selepas menewaskan tentera Byzantine di beberapa kawasan, beliau mengisytiharkan bandar Yeni Shehir sebagai pusat pentadbirannya pada tahun 1301M. Lihat Anon (2012), *A Portrait Album of the Ottoman Sultans*, Istanbul: Kaknüs Publications, h. 1.

[9] Ayşe Seyhan (2018), "Conquest of Bosnia in the Light of Ottoman Chronicles," *Journal of Ottoman Civilization Studies*, Jil. 4, Bil. 7, h. 152-161.

[10] '*Ahdname* merupakan sebuah perjanjian damai yang ditulis dalam kerajaan 'Uthmaniyyah bagi jaminan keselamatan kepada penduduk sesebuah wilayah atau berfungsi dalam hubungan antarabangsa di antara kerajaan 'Uthmaniyyah dengan wilayah lain.

[11] Penggunaan perkataan wakaf (*vakuf)* dalam nama bandar-bandar baru ini merujuk kepada bandar yang dibangunkan oleh institusi wakaf. Namun begitu, terdapat juga bandar yang pernah menggunakan perkataan wakaf tetapi sudah menukarkannya pada masa sekarang sebagai contoh bandar Mrkonjic Grad yang dahulunya ialah Varcar-Vakuf dan bandar Sanski Most yang asalnya disebut Vakuf. Rujuk penulisan Anon (2018), *Waqf in Bosnia and Herzegovina: History, Current Status and Prospects*, Edisi ke-3, Sarajevo: Islamic Community in Bosnia and Herzegovina, Waqf's Directorate, h. 20.

[12] Jasmin Omercic (2018), *Socio-Economic Potential of Waqf in Bosnia and Herzegovina*, Sarajevo: Center for Advanced Studies, h. 33.

[13] Keadaan ini tidak berlaku ketika penguasaan Tanah Arab seperti di Mesir dan Syria. Hal ini demikian kerana, wilayah tersebut sudah lama menerima Islam dan mempraktikkan amalan wakaf seperti wakaf harta tidak alih serta wakaf *zurri* (wakaf untuk ahli keluarga). Lihat kajian Baer (1997), "The Waqf as a Prop for the Social System," h. 264-265.

Menurut Prof. Esat Arsebük, dalam menerangkan peranan wakaf yang luas telah memberikan gambaran mengenainya seperti:

> Insan dilahirkan dalam rumah wakaf, tidur dalam buaian wakaf, makan dan minum daripada harta wakaf, membaca buku yang diwakafkan, menerima pendidikan di sekolah wakaf, menerima gaji daripada pentadbiran wakaf dan bila insan ini meninggal dunia, diletakkan dalam keranda dan dikebumikan di tanah kubur yang diwakafkan.[14]

Di antara pengasas awal bagi amalan wakaf di Bosnia & Herzegovina ialah Gazi Isa Beg bin Gazi Ishak Beg, Ajas Beg dan Skender Pasha. Mereka merupakan panglima tentera 'Uthmaniyyah dan seterusnya dilantik menjadi gabenor *sancak*[15] Bosnia selepas tahun 1463M. Pada dekad yang sama, Gazi Isa Beg bin Gazi Ishak Beg bukan sahaja berjaya menguasai Bosnia, tetapi juga membuka beberapa wilayah lain di Eropah Timur seperti Novi Pazar.[16] Binaan wakaf yang diasaskan mereka bertiga termasuklah *tekke* (rumah orang sufi), masjid Careva, *hammam* (bilik mandi awam), *imaret* (dapur awam), jambatan dan *han* (rumah penginapan).[17] Bandar-bandar yang terlibat dalam pembangunan awal wakaf pada abad ke-15M adalah Sarajevo, Visoko, Mostar, Nova dan Novi Pazar. Jika dilihat, penubuhan institusi wakaf pada awal penguasaan banyak dipelopori oleh pegawai 'Uthmaniyyah dan bukan daripada masyarakat tempatan.

Perkembangan wakaf kemudiannya menjadi pesat pada abad ke-16M apabila semakin ramai pewakaf di setiap bandar. Para pewakaf pula terdiri daripada masyarakat tempatan yang majoritinya merupakan golongan pembesar atau golongan kaya. Institusi wakaf pula ditubuhkan dengan fungsi yang pelbagai serta menyeluruhi setiap keperluan harian masyarakat Bosnia & Herzegovina. Jenis wakaf dan peranannya boleh dibahagikan kepada beberapa fungsi iaitu:

1) Wakaf berbentuk keagamaan yang berkehendak untuk mewujudkan masjid, *tekke*, dan *musolla*;
2) Wakaf berbentuk pendidikan yang menjurus kepada pembinaan *medrese*, *mekteb* dan perpustakaan;
3) Wakaf berbentuk kebajikan seperti membantu golongan miskin, anak yatim, pelajar, orang yang bermusafir, orang yang berhutang, orang sakit dan haiwan terbiar;
4) Wakaf berbentuk keperluan umum masyarakat seperti pembinaan jalan, sistem pengairan, jambatan, menara jam, perigi dan pancuran air;
5) Wakaf berbentuk aktiviti komersial sebagai contoh pembinaan *bezistan* (pasar yang berbumbung), *han*, kedai kraftangan, kilang dan perumahan.[18]

Berdasarkan senarai wakaf ini, wilayah Bosnia & Herzegovina tidak terlalu menonjolkan satu bentuk wakaf yang biasa dilakukan di Anatolia iaitu *imperial* wakaf. Dalam penulisan Amy Singer, beliau menjelaskan bahawa *imperial* wakaf merupakan amalan wakaf yang dilaksanakan oleh pemerintah berbentuk sebuah kompleks.[19] Ia merangkumi beberapa binaan wakaf seperti masjid, hospital, dapur awam, *hammam* dan pelbagai lagi kemudahan. Terdapat banyak contoh-contoh *imperial* wakaf yang diwujudkan sepanjang pemerintahan 'Uthmaniyyah termasuklah yang dibina oleh keluarga sultan. Begitu juga dengan keluarga bangsawan dan pegawai tinggi 'Uthmaniyyah lain yang turut sama melaksanakan amalan wakaf. Antara kompleks wakaf yang luas dan masih lagi wujud sebahagiannya ialah Kompleks Fatih, Kompleks Suleymaniye, Kompleks Muradiye dan Kompleks Beyazit II.[20]

Namun begitu, binaan berkonsepkan *imperial* wakaf ada diwujudkan di Bosnia & Herzegovina seperti Kompleks Gazi Husrev Beg di Sarajevo. Malah, terdapat juga kompleks kecil binaan wakaf seperti di Blagaj dan juga di bandar Mostar. Melalui pembinaan kompleks ini, ia dapat memberikan satu galakan

---

[14] Naime Yüksel Karasu (2022), "XVIII. Yüzyilin İlk Yarisinda Yeniçeriler Tarafindan Kurulan Vakiflar: İstanbul Örneği," *Genel Türk Tarihi Araştirmalari Dergisi*, Jil. 4, Bil. 8, h. 607.

[15] *Sancak* ialah wilayah kecil yang bernaung di bawah sebuah *eyalet/vilayet*. Manakala, semua *sancak* ini diletakkan dibawah pentadbiran *eyalet* iaitu merujuk kepada satu wilayah pentadbiran yang lebih besar. Sistem ini dilaksanakan oleh kerajaan 'Uthmaniyyah terhadap wilayah penguasaannya terutamanya di Timur Eropah.

[16] Novi Pazar menjadi satu *sancak* di bawah *eyalet* Bosnia bermula pada tahun 1699M sehingga tahun 1878M. Lihat penulisan Suad Bećirović dan Ferid Bulić (2016), "Confiscation of Property in Sandzak- The Case of Awqaf," dalam Muhammet Savaş Kafkasyali (ed.), *Balkanlarda Islam: Gönül Fethinden Zihniyet Temsiline - From the Conquest of Hearts to the Representation of Mentality*, Jil. 3, Ankara: Tika Yayınlari, h. 518.

[17] Hatidža Car-Drnda (2004), "Vakufski Objekti u Bosanskom Sandžaku," *Prilozi za Orijentalnu Filologiju*, h. 267-294.

[18] Anon (2018), *Waqf in Bosnia and Herzegovina*, h. 12-15.

[19] Amy Singer (2008), *Charity in Islamic Societies*, Cambridge, UK: Cambridge University Press, h. 17.

[20] Pada kebiasaannya, kompleks ini dibina di pusat pentadbiran 'Uthmaniyyah contohnya di Istanbul, Edirne dan Bursa.

kepada masyarakat untuk turut melakukan wakaf serta membudayakannya dalam kehidupan seharian. Oleh itu, masyarakat tidak mengira orang Islam atau bukan Islam bersama-sama melakukan amalan wakaf sesuai dengan kadar kemampuan mereka. Bagi memudahkan golongan yang tidak mempunyai harta tidak alih seperti bangunan dan tanah, pemerintah mengeluarkan fatwa keharusan untuk berwakaf dengan harta alih iaitu wang tunai. Walaupun terdapat sebahagian para ulama yang membantah ketika fatwa ini diisytiharkan, tetapi ia kemudiannya diteruskan juga oleh kerajaan 'Uthmaniyyah atas sebab-sebab yang lebih menjurus kepada *maslahat* umat.

## Impak Wakaf dalam Politik dan Pemerintahan 'Uthmaniyyah di Bosnia & Herzegovina (15M hingga 17M)

Dalam perbincangan ini, kajian mengenal pasti tiga impak amalan wakaf yang jelas terlihat dari sudut politik dan pemerintahan iaitu:

### *Penglibatan Pembesar 'Uthmaniyyah yang Berasal dari Bosnia*

Apabila mengetengahkan idea impak amalan wakaf dari sudut politik dalam masyarakat Bosnia & Herzegovina, ia secara tidak langsung mencakupi aspek pemerintah dengan hubungan bersama masyarakat setempat. Hal ini disebabkan penerapan amalan wakaf di Bosnia & Herzegovina berlaku agak istimewa[21] kerana sultan menitahkan beberapa pembesar yang berasal dari wilayah tersebut untuk mewujudkan institusi wakaf masing-masing dan membangunkan bandar-bandar asal mereka. Kebanyakan daripada mereka yang sudah memeluk Islam bukan sahaja berperanan besar dalam memperkenalkan amalan wakaf, tetapi juga menjadi agen penyebaran Islam. Melalui cara ini, masyarakat tempatan melihat bahawa tiada campur tangan secara langsung daripada sultan 'Uthmaniyyah ke atas mereka yang pada ketika itu baru sahaja bertukar pemerintahan.

Antara tokoh yang banyak menyalurkan dana serta mempelopori amalan wakaf ini ialah dalam kalangan pembesar kerajaan 'Uthmaniyyah sama ada panglima tentera mahupun bangsawan. Kebanyakan mereka adalah berketurunan Bosnia yang telah berkhidmat dengan kerajaan 'Uthmaniyyah di Anatolia sebagai pegawai tertinggi kerajaan atau terlibat dalam ketenteraan. Penubuhan institusi wakaf mereka memberi kesan yang besar kepada perubahan wilayah tersebut terutamanya dari aspek kelangsungan pemerintahan 'Uthmaniyyah. Situasi ini mula berlaku pada akhir abad ke-15M dengan kepesatan pembangunan bandar yang sudah sedia ada, pembukaan bandar-bandar baru dan penempatan kecil melalui pembinaan institusi wakaf. Di antara bandar baru yang diwujudkan melalui pembinaan institusi wakaf pada abad ke-16M ialah bandar Donji Vakuf yang diasaskan oleh Ibrahim Beg, anak lelaki kepada seorang pembesar Bosnia.[22] Manakala, Zaim Mehmet Beg Stočanin pula mengasaskan bandar Gornji Vakuf. Selain itu, pembukaan bandar Varcar Vakıf[23] pula diasaskan oleh pegawai 'Uthmaniyyah iaitu Mustafa Aga atas perintah sultan.[24]

**Jadual 1: Penglibatan Para Pembesar 'Uthmaniyyah yang berasal dari Bosnia & Herzegovina**

| Bandar | Pengasas |
|---|---|
| Sarajevo | Gazi Husrev Beg |
| Tuzla | Turali Beg |
| Mostar | Karadoz Beg & Koski Mehmed Pasha |
| Tesanj | Ferhad Beg bin Skender |
| Maglaj | Kalavun Jusuf Pasha |
| Nova | Musa Pasha |
| Banja Luka | Ferhat Pasha Sokolović & Sofi Mehmed Pasha |
| Gradacac | Kapt. Gradascevic: Osman, Murat dan Husein |
| Foca | Mehmed Pasha Kukavica |

[21] Bukan sahaja penerapan amalan wakaf dilaksanakan secara istimewa bahkan ketika penguasaan terhadap Bosnia & Herzegovina yang berlaku pada tahun 1463M juga dilihat sebagai istimewa dan berbeza berbanding wilayah lain. Hal ini dinyatakan oleh sejarawan 'Uthmaniyyah seperti Halil İnalcik dan Hatidža Car-Drnda.

[22] Behija Zlatar (2004), "The importance of vakf registers in defters as historical sources," dalam Markus Koller dan Kemal H. Karpat (ed.), *Ottoman Bosnia: A History in Peril*, Madison: Centre of Turkish Studies, h. 177.

[23] Pada masa sekarang, bandar Varcar Vakıf merujuk kepada bandar Mrkonjić. Rujuk penulisan Hatidža Car-Drnda (2002), "Town in Bosnia and Herzegovina as a Legacy of Islamic Civilization," Prosiding, the International Symposium on Islamic Civilisation in the Balkans, Sofia, 21-23 Apr 2000, h. 31.

[24] Car-Drnda (2002), "Town in Bosnia and Herzegovina," h. 31.

| | |
|---|---|
| Mrkonjic Grad | Kizlar Aga Mustafa |
| Rogatica | Husain Beg bin Ilijas Beg |
| Visegrad & Rudo | Kara Mustafa Pasha & Mustafa Pasha Sokolović |
| Cajnice | Gazi Sinan Beg Boljanic |
| Gracanica | Ahmed Pasha Budimlija |
| Sanski Most | Hamza Beg |
| Modrica | Osman Effendy |

Di antara pewakaf yang paling banyak menyalurkan dana wakaf ialah salah seorang gabenor Bosnia iaitu Gazi Husrev Beg. Beliau merupakan panglima perang dan juga salah seorang cucu Sultan Beyazit II daripada anak perempuan baginda iaitu Sultana Selçuk. Bapa beliau ialah Ferhad Bey yang berketurunan Bosnia dan dilantik menjadi gabenor di Serez.[25] Pada abad ke-16M sewaktu menjawat jawatan sebagai gabenor Bosnia, Gazi Husrev Beg dan isterinya, Shahdidar membina institusi wakaf di Sarajevo dan membiayainya dengan jumlah wakaf tunai yang banyak. Sebahagian besar sumbangannya dalam amalan wakaf ini termasuklah membangunkan bandar Sarajevo menjadi pusat perdagangan dan ekonomi yang maju di Timur Eropah. Kewujudan *bezistan* bagi menempatkan kedai-kedai untuk para pedagang berjual beli juga menyumbang kepada kehadiran orang ramai di bandar tersebut.[26] Ini ditambah pula dengan penubuhan pusat pendidikan seperti *Medrese* Gazi Husrev Beg yang menjadi pusat pendidikan Islam secara formal terawal di Bosnia & Herzegovina. Uniknya, sebahagian binaan wakaf beliau seperti masjid, *medrese*, perpustakaan dan *bezistan* masih boleh dilihat sehingga ke hari ini.

Walaupun masyarakat Bosnia & Herzegovina sudah mula mendominasi amalan wakaf sejak abad ke-16M, tetapi kewujudan institusi wakaf yang dibina oleh orang ‘Uthmaniyyah yang berpindah ke wilayah tersebut masih dibangunkan. Begitu juga keadaannya dengan amalan wakaf pemerintah seperti pembiayaan dana sultan namun, ia dicatatkan dalam jumlah yang kecil sahaja. Ini jelas dibuktikan dengan pembinaan sebuah masjid di bandar Foca oleh Sultan Beyazit II dan juga pembiayaan masjid Careva atau masjid Sultan Mehmet II yang ditubuhkan sekitar tahun 1462M oleh Gazi Isa Beg.[27]

***Menstabilkan Pemerintahan melalui Pembangunan Wakaf yang Pesat***

Dalam menyentuh perihal berkenaan impak wakaf di Balkan khususnya Bosnia & Herzegovina, terdapat sarjana yang berpandangan bahawa institusi wakaf merupakan satu faktor yang penting dalam menstabilkan pemerintahan dan politik di wilayah tersebut.[28] Hal ini kerana, terdapat perkaitan yang jelas di antara kestabilan politik dan juga perkembangan ekonomi[29] bahkan jika diteliti pada era tersebut kebanyakan sektor ekonomi adalah bertunjangkan amalan wakaf. Menyedari akan hal ini, pemerintah ‘Uthmaniyyah menggesa supaya ditubuhkan institusi wakaf pada awal penguasaan mereka. Kepelbagaian fungsi dan peranan binaan wakaf ini secara tidak langsung meredakan kerisauan penduduk tempatan yang pernah mengalami penindasan daripada pemerintah sebelum ini. Sehubungan dengan itu, kehadiran institusi wakaf di wilayah yang baru dikuasai antaranya dapat memberikan gambaran awal yang baik kepada ‘Uthmaniyyah seterusnya membantu dalam kestabilan dan keselamatan di rantau tersebut.

Selain itu, sektor ekonomi mula berkembang dengan pesat setelah wujudnya binaan wakaf seperti kedai-kedai, pasar tertutup, *karavanserai* dan sebagainya. Melalui penubuhan institusi wakaf berbentuk komersial ini, kerajaan ‘Uthmaniyyah secara tidak langsung telah membaiki taraf kehidupan masyarakat Bosnia & Herzegovina yang sedikit terkebelakang berbanding masyarakat Eropah di kawasan lain. Ini dapat dilihat daripada catatan sejarah yang menyebutkan bandar seperti Sarajevo dan Mostar telah mencapai status *kasaba*. Malah, dianggarkan sebanyak 80% bandar di Bosnia &

[25] Catatan berkaitan susur galur keturunan Gazi Husrev Beg yang wujud di Muzium Medrese Kurshumliya ketika pengkaji melakukan kajian lapangan pada tahun 2019.
[26] Nur Ainul Basyirah Alias (2021), “Perlaksanaan Amalan Wakaf Khilāfah ‘Uthmāniyyah di Bosnia dan Herzegovina Pada Abad Ke-15M hingga Abad Ke-17M,” Tesis Doktor Falsafah, Institut Islam HADHARI, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 174.
[27] Car-Drnda (2004), “Vakufski Objekti u Bosanskom Sandžaku,” h. 268.
[28] Edib Smolo (2017), “The Role of Waqf (Endowment) in Economic Development of Bosnia & Herzegovina: A Historical Overview and Future Prospects,” Kertas kerja, Research Workshop on Revival of Waqf for Socio Economic Development, Dhaka, Bangladesh, 4-5 November 2017, h. 7.
[29] Alberto Alesina et al. (1996), “Political Instability and Economic Growth,” *Journal of Economic Growth*, Jil. 1, Bil. 2, h. 189-211.

Herzegovina pada era penguasaan 'Uthmaniyyah adalah berstatus *kasaba*.[30] Sebagai contoh, kehebatan bandar Sarajevo pada abad ke-16M yang dinyatakan oleh sarjana bahawa sudah mencapai ciri-ciri sebagai bandar Islam dengan memperlihatkan seni bina yang spesifik dan menjadi pusat perdagangan serta keseluruhan infrastruktur kehidupan tersusun dengan baik.[31]

Di samping itu, penubuhan institusi wakaf secara praktikalnya menghubungkan Bosnia & Herzegovina dengan 'Uthmaniyyah dalam segenap perkara contohnya sistem pendidikan seperti *medrese* yang memperkenalkan budaya Islam dan ajarannya. Minkov dalam kajiannya menjelaskan bahawa institusi wakaf yang ditubuhkan sudah pun memainkan peranan yang signifikan dalam proses Islamisasi dalam masyarakat Anatolia sebelum itu.[32] Sebagaimana kebiasaan tentera 'Uthmaniyyah untuk melakukan perluasan kuasa, mereka juga turut mempunyai misi terpenting iaitu menyebarkan Islam kepada masyarakat tempatan. Fungsi ini dimainkan oleh golongan sufi yang menyertai ekspedisi ketenteraan 'Uthmaniyyah ke Bosnia & Herzegovina.[33] Namun begitu, penyebaran Islam ini berlaku dengan suasana yang harmoni dan tiada sebarang pemaksaan dalam memeluk agama Islam seperti salah satu teori yang dinyatakan dalam penulisan Muhammad Alam & Jamal Nasir.[34] Kajian ini mendapati aspek kestabilan ekonomi juga merupakan daya penarik golongan bukan Islam untuk menerima Islam dan berlakunya pertambahan jumlah Muslim yang signifikan di Bosnia & Herzegovina. Pada awal abad ke-16M, jumlah umat Islam meningkat dengan kemasukan beramai-ramai penduduk tempatan ke dalam agama Islam. Zheliazkova mendakwa situasi ini berlarutan sehinggalah pada abad ke-17M.[35] Proses ini turut memberi kesan positif dalam kelangsungan politik dan pemerintahan 'Uthmaniyyah di Semenanjung Balkan.

Selain mengurniakan deklarasi keamanan ('*ahdname*) kepada masyarakat bukan Islam bagi menjamin kehidupan mereka, pembinaan bangunan dan penempatan mereka di atas tanah wakaf juga merupakan salah satu contoh amalan wakaf membantu pemerintah 'Uthmaniyyah dalam memenangi hati masyarakat tempatan. Melalui toleransi agama dan sikap adil dalam memberikan kebajikan kepada penduduk setempat, ia memudahkan proses pengukuhan kuasa di wilayah tersebut.[36] Sebagai contoh di Sarajevo, pegawai tinggi seperti Gazi Husrev Beg telah membina gereja bagi golongan Kristian Ortodoks yang datang berdagang, sementara itu Siyavus Pasha pula mewujudkan penempatan dan rumah ibadat bagi orang Yahudi miskin yang berhijrah dari Sepanyol ke Bosnia & Herzegovina.[37] Bahkan, golongan bukan Islam yang memahami kepentingan wakaf turut sama melakukan amalan ini sama ada berfokus kepada kebajikan umum atau hanya kepada kelompok penganut mereka sahaja. Hal ini seperti yang dilakukan oleh adik beradik Branković yang mewakafkan sebidang tanah kebun di Jerusalem untuk manfaat orang miskin yang berada di sana.[38]

Selain itu, kemudahan seperti saliran air dan jambatan, agihan makanan percuma serta bantuan pembayaran cukai *avariz*[39] turut termasuk dalam agenda wakaf yang disesuaikan dengan '*uruf* setempat. Semua kemudahan ini dapat diakses oleh semua golongan masyarakat yang memerlukan. Peranan ini dilakukan oleh pemerintah kepada rakyat tanpa mengira agama dan kaum melalui amalan berwakaf yang dibudayakan di Bosnia & Herzegovina. Sistem ini juga membolehkan pemerintah mendidik nilai

---

[30] *Kasaba* iaitu merujuk kepada bandar yang mempunyai pembangunan yang moden dan maju. Bandar seperti ini lebih tertumpu kepada aktiviti ekonomi komersial dan perdagangan serta bertentangan dengan keadaan kampung yang hanya memfokuskan kepada sektor penternakan dan pertanian. Rujuk penulisan Car-Drnda (2002), "Town in Bosnia and Herzegovina as a Legacy of Islamic Civilization," h. 33.

[31] Antonina Zheliazkova (1994), "The Penetration and Adaptation of Islam in Bosnia from the Fifteenth to the Nineteenth Century," *Journal of Islamic Studies*, Jil. 5, Bil. 2, h. 192.

[32] Anton Minkov (2004), "Conversion to Islam in the Balkan: Kisve Bahası Petitions and Ottoman Social Life, 1670-1730," dalam Suraiya Faroqhi dan Halil Inalcik (ed.), *The Ottoman Empire and its Heritage Politics, Society and Economy*, Leiden: Brill, h.19.

[33] Ines Aščerić-Todd (2015), "Dervishes and Islam in Bosnia," dalam Suraiya Faroqhi, Halil İnalcık dan Boğaç Ergene (ed.), *The Ottoman Empire and its Heritage*, Leiden: Brill, h. 57-58.

[34] Muhammad Alam dan Jamal Nasir (2012), "Islam in Bosnia-Herzegovina (Comparative analysis of theories about the spread of Islam in Bosnia-Herzegovina)," *Peshawar Islamicus*, Jil. 3, Bil. 2, h. 95-96.

[35] Zheliazkova (1994), "The Penetration and Adaptation of Islam in Bosnia," h. 194.

[36] Nur Ainul Basyirah Alias, Ermy Azziaty Rozali dan Shamsul Azhar Yahya (2019), "Toleransi Agama dan Keadilan Sosial di Bosnia & Herzegovina era Penguasaan 'Uthmaniyyah Abad ke-15M hingga Abad ke-17M," *Journal of al-Tamaddun*, Jil. 14, Bil. 2, h. 89-98.

[37] Andras J. Riedlmayer (2005), *Convivencia* under Fire: Genocide and Book-Burning in Bosnia, Yearbook of International Convention of Salvicist Librarians' in Sarajevo 2005, h. 30.

[38] Rujuk manuskrip dokumen wakaf *Siğill Ma kama al-Quds al-šar'iyya* (Jerusalem Sharia Court Record) (1681), No. 184, Archivium Custodiae Terrae Sanctae: Jerusalem, Scaf X. N. 9. Perbincangan yang lebih mendalam berkaitan wakaf adik beradik Branković, lihat penulisan Munir Mujić (2019), "Document on Buying Gethsemane Garden by Three Brothers from Bosnia in 1681-Text and Context," *Edinost in Dialog Unity and Dialogue*, Jil. 74, Bil. 2, 61-86.

[39] Cukai *avariz* dikenakan kepada setiap ketua rumah bagi penduduk wilayah yang dikuasai 'Uthmaniyyah. Ia dikutip mengikut waktu tertentu sahaja contohnya jika berlaku peperangan. Rujuk penulisan Elitaş et al. (2008), *Accounting Method Used by Ottoman for 500 Years: Stairs (Merdiban) Method*, Turkish Republic Ministry of Finance Strategy Development Unit, h. 299.

tanggungjawab sosial terhadap sesama rakyat untuk saling bantu membantu. Jika diteliti dengan baik, ia adalah antara faktor yang menyebabkan kerajaan 'Uthmaniyyah dapat bertahan lebih daripada enam abad ketika memerintah tiga buah benua yang didiami oleh masyarakat pelbagai agama, bahasa dan kaum dalam keamanan dan kemakmuran.[40] Penerimaan terhadap Islam serta kecenderungan dalam menyokong pemerintahan 'Uthmaniyyah telah berjaya mewujudkan kestabilan politik yang berpanjangan sehingga tahun 1878M. Bahkan, hubungan tersebut masih terjalin walaupun wilayah Bosnia & Herzegovina tidak lagi dikuasai oleh kerajaan 'Uthmaniyyah setelah itu.

***Impak dan Peranan Menyeluruh Wakaf Tunai dalam Sosioekonomi Masyarakat***

Dalam pengamalan berwakaf umat Islam, terdapat satu jenis wakaf yang sangat memberi impak dalam kerajaan 'Uthmaniyyah iaitu wakaf tunai. Apabila diteliti, wakaf bukan sahaja dianggap sebagai satu amalan kebajikan dalam Islam, tetapi juga berperanan penting dalam strategi pemerintahan 'Uthmaniyyah yang berjaya lebih-lebih lagi dalam memajukan wilayah penguasaan. Terdapat dua cara pengaplikasian wakaf tunai ini iaitu, pertamanya adalah melalui pelaburan wang kepada peminjam dan keuntungan yang diperoleh akan diwakafkan. Hal ini dapat dilihat apabila berlaku perubahan dalam sosioekonomi masyarakat di Bosnia & Herzegovina sejak kedatangan 'Uthmaniyyah ke wilayah tersebut. Masyarakat yang dahulunya merupakan penternak, pelombong dan petani telah mengubah aktiviti ekonomi sebahagian mereka kepada sektor perdagangan dan perniagaan. Situasi ini adalah disebabkan beberapa bandar penting di wilayah tersebut telah menjadi pusat perdagangan penting di Eropah seperti Sarajevo.[41]

Oleh yang demikian, ramai individu yang ingin menjalankan perniagaan dapat meminjam wang bagi memulakan perniagaan mereka. Kaedah ini diaplikasikan dengan mengambil cara kontrak jual beli *baī' al-inah*.[42] Hal ini kerana, di dalam transaksi pinjaman tersebut akan dikenakan bayaran faedah sebanyak 10 peratus setahun berdasarkan fatwa yang telah ditentukan oleh mufti. Bahkan, kadar ini meningkat kepada 15 peratus dan seterusnya dinaikkan kepada 20 peratus. Namun begitu, sesiapa yang mengenakan kadar yang lebih tinggi daripada jumlah yang ditetapkan pemerintah akan dihukum penjara.

Manakala, cara kedua pula adalah melalui kutipan wang terkumpul daripada para pewakaf dan kemudiannya dibina pelbagai institusi wakaf[43] atau menampung keperluan masyarakat. Sebagai contoh seperti yang tertera dalam dokumen wakaf Masjid Maykoviçe di bandar Priyedor. Ia mencatat 55 orang pewakaf yang terdiri daripada lelaki dan wanita memberikan dana wakaf mereka berjumlah 13,071 *kuruş* untuk perbelanjaan masjid seperti pemanas dan lampu.[44] Hal ini juga dapat dikesan dalam pembukaan wilayah baru seperti di Gornji Vakuf, Dornji Vakuf dan Skender Vakuf. Pada kebiasaannya, masjid atau *tekke* akan dibina dahulu sebelum wujudnya institusi wakaf yang lain seperti *imaret*, *medrese* serta penempatan masyarakat. Selain itu, kaedah ini boleh dilihat dalam pembangunan bandar lama seperti Mostar yang dicatatkan dalam dokumen wakaf telah menerima penyaluran wakaf tunai daripada Zaim Karagöz el-Hac Mehmed Ağa berjumlah 300,000 dirham 'Uthmaniyyah pada tahun 1570.[45]

Pengaplikasian wakaf tunai yang fleksibel ini memberi ruang kepada sesiapa sahaja untuk berwakaf meskipun mereka tidak mempunyai harta alih seperti tanah dan bangunan. Wang wakaf tersebut biasanya akan disalurkan kepada pembelian bahan mentah di dapur awam, gaji para pekerja serta elaun kepada anak yatim dan miskin. Lazimnya para pewakaf menyerahkan wang mereka daripada hasil kebun dan tanah sewaan, gaji dan pendapatan mereka serta pelbagai hasil lain. Melalui cara ini, ia lebih memudahkan orang ramai untuk berwakaf mengikut kadar yang mereka mahu sekaligus dapat mendidik amalan bersedekah secara berterusan.

---

[40] Nazif Özturk (2000), "The Wakf in the Ottoman Period: A Social Policy Perspective," dalam Kemal Cicek (ed.), *The Great Ottoman, Turkish Civilisation*, Ankara: University Leiden, h. 780-800.
[41] Asim Zubčević (2015), "Book Ownership in Ottoman Sarajevo, 1707-1828," Tesis Doktor Falsafah, Leiden University, h. 36.
[42] Ahmed Akgunduz dan Said Ozturk (2011), *Ottoman History Misperceptions and Truths*, Istanbul: IUR Press, h. 602-603.
[43] Nur Ainul Basyirah (2021), "Perlaksanaan Amalan Wakaf Khilāfah 'Uthmāniyyah di Bosnia dan Herzegovina," h. 91.
[44] Dokumen Wakaf *Maykoviçe Camii (Hayır Sahipleri) Vakfi* (1879), Saraybosna Gazi Hüsrev Bey Kütüphanesi V-64206, Bosna Hersek Vakfiyeleri 2016.
[45] Dokumen Wakaf *Zaim Karagöz el-Hac Mehmed Ağa Vakfi* (1570), Vakıflar Genel Müdürlüğü Defter: 987, h. 201, no. 64, Bosna Hersek Vakfiyeleri 2016.

Walaupun pengamalan wakaf tunai sudah menjadi budaya dalam masyarakat Semenanjung Balkan khususnya Bosnia & Herzegovina, namun ia berhadapan dengan kritikan sebahagian agamawan 'Uthmaniyyah. Hal ini kerana, ia dikatakan tidak selari dengan syarak disebabkan atas dasar keuntungan yang dikenakan itu menyerupai amalan riba. Situasi ini menyebabkan bantahan kepada kerajaan 'Uthmaniyyah sehingga mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat pada ketika itu.[46]

Justeru, kepentingan wakaf tunai dan impaknya ini dapat dibuktikan ketika kerajaan 'Uthmaniyyah mengharamkan amalan tersebut pada pertengahan abad ke-16M. Beberapa agamawan bangkit mempertahankan amalan tersebut kerana ia merupakan elemen penting dan berperanan dalam penyebaran Islam bagi masyarakat di Semenanjung Balkan pada abad ke-15M sehingga abad ke-17M. Isu ini dbangkitkan oleh qadi ketenteraan wilayah Rumelia, Çivizade Şeyh Mehmed Muhyiddin serta disokong oleh seorang ulama terkenal iaitu, Imam Birgivi Mehmed. Ironinya, salah seorang qadi lain yang juga berkhidmat di Semenanjung Balkan iaitu Syeikh Bali Efendi membantah keras pandangan tersebut kerana beliau melihat pengharaman ini akan merencatkan perkembangan wakaf serta proses Islamisasi di wilayah Rumelia pada ketika itu, yang sebahagian besarnya bergantung kepada manfaat wakaf tunai. Malah, ia juga akan memberikan impak negatif yang besar kepada pemerintahan 'Uthmaniyyah di wilayah tersebut sekiranya fatwa pengharamannya diluluskan.[47]

Setelah beberapa tahun, mufti kerajaan 'Uthmaniyyah iaitu *Seyhulislam* Ebussuud Efendi akhirnya mengeluarkan fatwa bagi mengharuskan amalan ini dilakukan di seluruh wilayah 'Uthmaniyyah. Beliau juga mengiktiraf amalan wakaf tunai yang telah dilakukan adalah mengikut prinsip usul fiqh iaitu *istislah*[48] dan *maslāhah am.* Beliau melihat dengan pembatalan amalan ini akan menjejaskan kehidupan masyarakat khususnya golongan Muslim dan memberikan kesan yang besar terhadap golongan miskin, ulama dan para pelajar yang bergantung kepada institusi wakaf tersebut.[49] Oleh yang demikian, isu ini dapat diselesaikan dengan baik di samping menstabilkan pemerintahan 'Uthmaniyyah di wilayah penguasaannya.

Menerusi semua analisis yang diperolehi menunjukkan bahawa amalan wakaf ini juga mampu memberikan impak yang besar terhadap politik dan pemerintahan 'Uthmaniyyah di Bosnia & Herzegovina. Lebih-lebih lagi, ia dikaitkan dengan proses Islamisasi dan penyebaran dakwah Islam yang merupakan tujuan utama perluasan kuasa sesebuah pemerintahan Islam. Ini kerana, pembangunan wakaf secara keseluruhannya sama ada dari sudut kemajuan bandar mahupun pembinaan institusi kecil merupakan salah satu syiar Islam yang tertegak di Bosnia & Herzegovina. Kajian ini berpendapat bahawa penerimaan masyarakat tempatan terhadap agama Islam juga turut dipengaruhi oleh amalan wakaf yang ditubuhkan selain beberapa faktor lain yang telah dibincangkan para sarjana lepas. Malah, kekuatan Islam di wilayah tersebut juga terbukti apabila berlakunya peningkatan jumlah umat Islam yang turut dipengaruhi oleh keunggulan amalan wakaf pada ketika itu.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini melihat bahawa amalan wakaf ternyata berkesan dalam menstabilkan sosiopolitik dan sosioekonomi sesebuah pemerintahan jika ia diurus dengan baik dan adil. Pendapat ini dinyatakan setelah pemerhatian terhadap kesan amalan wakaf 'Uthmaniyyah terhadap politik dan pemerintahan di Bosnia & Herzegovina yang telah berlaku pada abad ke-15M sehingga abad ke-17M. Budaya wakaf dalam kalangan pemerintah 'Uthmaniyyah berjaya disebarkan kepada masyarakat yang pada awalnya merupakan golongan bukan Islam. Melalui pembinaan institusi wakaf ini memperlihatkan pemerintahan yang berasaskan kebajikan kepada rakyat secara menyeluruh.

Perlaksanaan amalan wakaf ini memperlihatkan satu sudut penting yang perlu dikaji dengan lebih mendalam apabila ia dikaitkan dengan politik dan pemerintahan. Persepsi masyarakat tempatan bukan Islam terhadap 'Uthmaniyyah sama sekali berubah apabila pembangunan yang wujud di era penguasaan 'Uthmaniyyah, yang kebanyakannya bermula daripada amalan wakaf ini di samping penduduk tempatan melihat hal seumpama itu tidak dilakukan oleh pemerintah Bosnia sebelum ini. Tidak kurang

[46] Razali Othman (2015), *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 60-67.
[47] Tahsin Özcan (2003), "The Role of the Cash Foundations in the Construction and Development of Balkan Cities," Prosiding, The Second International Symposium on Islamic Civilisation in the Balkans, Tirana Albania, 4-7 Disember 2003, h. 196-197.
[48] Pertimbangan manfaat sesuatu perkara untuk kepentingan masyarakat umum.
[49] Ali Yaycioğlu (1997), "Ottoman Fatwa: An Essay on Legal Consultation in the Ottoman Empire," Tesis Sarjana, Bilkent University, h. 25-26.

juga ia menjadi instrumen yang berjaya dalam menyebarkan Islam di kalangan penduduk yang majoritinya bukan Islam sehingga di sesetengah tempat wujudnya kelompok yang memeluk Islam. Kebajikan yang ditonjolkan melalui amalan wakaf sememangnya menjurus kepada keperluan masyarakat umum. Ia tidak mendiskriminasikan sesiapa yang menjadi penerima manfaat walaupun mereka datang dari pelbagai latar belakang agama, bangsa dan status sosial.

Strategi sultan dalam memerintahkan pembesar yang berasal daripada wilayah tersebut membuatkan masyarakat melihat kaitan yang dekat dengan mereka. Pembesar-pembesar yang mempunyai kedudukan yang penting dalam kerajaan 'Uthmaniyyah sememangnya berperanan besar dalam menghadirkan sokongan rakyat kepada pemerintahan baru ini. Oleh itu, institusi wakaf yang ditubuhkan oleh mereka bukanlah daripada dana yang diperuntukkan oleh kerajaan, tetapi melalui wang orang perseorangan yang rela hati melakukan wakaf. Ia dilihat sebagai satu sumbangan yang menarik hati masyarakat dalam melihat pemerintahan 'Uthmaniyyah dengan pandangan yang positif. Justeru, ia memberikan impak yang besar terhadap persepsi masyarakat Bosnia & Herzegovina kepada 'Uthmaniyyah sekaligus bersedia menerima dan memberikan taat setia kepada pemerintah.

**Rujukan**

Abu Hanifah Haris (2020), "Kerajaan Turki Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad ke-14 hingga Abad ke-20," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 15, Bil. 1, 85-107.

Akgunduz, Ahmed dan Ozturk, Said (2011), *Ottoman History Misperceptions and Truths*, Istanbul: IUR Press.

Alesina, Alberto, Özler, Sule, Roubini, Nouriel dan Swagel, Phillip (1996), "Political Instability and Economic Growth," *Journal of Economic Growth*, Jil. 1, Bil. 2, 189-211.

Allcock, John B. (t.t.), "Balkans," *Encyclopedia Britannica*, dicapai pada 18 Mac 2022, https://www.britannica.com/place/Balkans/Economic-collapse-and-nationalist-resurgence.

Anon (2012), *A Potrait Album of The Ottoman Sultans*, Istanbul: Kaknüs Publications.

Anon (2014), *Marvelous Pious Foundations (Waqfs) throughout History*, Ankara: Directorate General of Foundations Publications.

Anon (2018), *Waqf in Bosnia and Herzegovina: History, Current Status and Prospects*, Edisi ke-3, Sarajevo: Islamic Community in Bosnia and Herzegovina, Waqf's directorate.

Baer, Gabriel (1997), "The Waqf as a Prop for the Social System (Sixteenth-Twentieth Centuries)," *Islamic Law and Society*, Jil. 4, Bil. 3, 264-297.

Bećirović, Suad dan Bulić, Fuad (2016), "Confiscation of Property in Sandzak-The Case of Awqaf," dalam Muhammet Savaş Kafkasyali (ed.), *Balkanlarda Islam: Gönül Fethinden Zihniyet Temsiline - From the Conquest of Hearts to the Representation of Mentality*, Jil. 3, Ankara: Tika Yayınlari, 513-546.

al-Bukhārī, Abi 'Abdullah Muhammad bin Ismail (2002), *Ṣaḥīḥ al- Bukhārī*, Damshiq: Dar al Ibn Kathir.

Car-Drnda, Hatidža (2002), "Town in Bosnia and Herzegovina as a Legacy of Islamic Civilization," Prosiding, the International Symposium on Islamic Civilisation in the Balkans, Sofia, 21-23 Apr 2000, 29-35.

Car-Drnda, Hatidža (2004), "Vakufski objekti u Bosanskom Sandžaku," *Prilozi za Orijentalnu Filologiju*, Jil. 52-53, 267-294.

Elitaş, Cemal, Güvemli, Oktay, Aydemir, Oğuzhan, Erkan, Mehmet, Özcan, Uour dan Oğuz, Mustafa (2008), *Accounting Method Used by Ottoman for 500 Years: Stairs (Merdiban) Method*, Turkish Republic Ministry of Finance Strategy Development Unit.

Ibn Ḥanbal (1995), *Al-Musnad*, Juz 9, Kaherah: Dār al-Ḥadīth.

İnalcik, Halil (1954), "Ottoman Methods of Conquest," *Studia Islamica*, Jil. 2, 103-129.

Karataş, Hasan (2010), "The Cash Waqf Debate of 1545-1548: Anatomy of a Legal Debate at the Age of Süleyman the Lawgiver," *Insan ve Toplum*, Jil. 1, Bil. 1, 45-66.

Karasu, Naime. Y. (2022), "XVIII. Yüzyilin İlk Yarisinda Yeniçeriler Tarafindan Kurulan Vakiflar: İstanbul Örneği," *Genel Türk Tarihi Araştirmalari Dergisi*, Jil. 4, Bil. 8, 605-616.

*Maykoviçe Camii (Hayır Sahipleri) Vakfi* (1879), Saraybosna Gazi Hüsrev Bey Kütüphanesi V-64206, Bosna Hersek Vakfiyeleri 2016.

Merriam, Gordon P. (1926), "The Regional Geography of Anatolia," *Economic Geography*, Jil. 2, Bil. 1, 86-107.

Minkov, Anton (2004), "Conversion to Islam in the Balkan: Kisve Bahası Petitions and Ottoman Social Life, 1670-1730," dalam Suraiya Faroqhi dan Halil Inalcik (ed.), *The Ottoman Empire and its Heritage Politics, Society and Economy*, Leiden: Brill.

Muhammad Alam dan Jamal Nasir (2012), "Islam in Bosnia-Herzegovina (Comparative Analysis of Theories about the Spread of Islam in Bosnia-Herzegovina)," *Peshawar Islamicus*, Jil. 3, Bil. 2, 87-98.

Mujić, Munir (2019), "Document on Buying Gethsemane Garden by Three Brothers from Bosnia in 1681-Text and Context," *Edinost in Dialog Unity and Dialogue*, Jil. 74, Bil. 2, 61-86.

Muzium Medrese Kurshumliya (2019), *Gazi Husrev Beg*, Sarajevo: Bosnia & Herzegovina.

Nur Ainul Basyirah Alias, Ermy Azziaty Rozali dan Shamsul Azhar Yahya (2019), "Toleransi Agama dan Keadilan Sosial di Bosnia & Herzegovina Era Penguasaan 'Uthmaniyyah Abad ke-15M hingga abad ke-17M," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 14, Bil. 2, 89-98.

Nur Ainul Basyirah Alias (2021), "Perlaksanaan Amalan Wakaf Khilāfah 'Uthmāniyyah di Bosnia dan Herzegovina Pada Abad Ke-15M hingga Abad Ke-17M," Tesis Doktor Falsafah, Institut Islam HADHARI, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Omercic, Jasmin (2018), *Socio-Economic Potential of Waqf in Bosnia and Herzegovina*, Sarajevo: Center for Advanced Studies.

Özcan, Tahsin (2003), "The Role of the Cash Foundations in the Construction and Development of Balkan Cities," Prosiding, The Second International Symposium on Islamic Civilisation in the Balkans, Tirana Albania, 4-7 Disember 2003, 193-200.

Özturk, Nazif (2000), "The Wakf in the Ottoman Period: A Social Policy Perspective," dalam Kemal Cicek (ed.), *The Great Ottoman, Turkish Civilisation*, Ankara: University Leiden, h. 780-800.

Riedlmayer, Andras (2005), "*Convivencia* Under Fire: Genocide and Book-burning in Bosnia," Yearbook of International Convention of Salvicist Librarians' in Sarajevo 2005.

Seyhan, Ayşe (2018), "Conquest of Bosnia in the Light of Ottoman Chronicles," *Journal of Ottoman Civilization Studies*, Jil. 4, Bil. 7, 152-161.

*Siğill Ma kama al-Quds al-šar'iyya* (Jerusalem Sharia Court Record) (1681), No. 184, Archivium Custodiae Terrae Sanctae: Jerusalem, Scaf X. N. 9.

Singer, Amy (2008), *Charity in Islamic Societies*, Cambridge, UK: Cambridge University Press.

Siti Mashitoh Mahamood dan Asmak Ab Rahman (2015), "Financing Universities through Waqf, Pious Endowment: Is it Possible?," *Humanomics*, Jil. 31, Bil. 4, 430-453.

Smolo, Edib (2017), Kertas kerja, Research Workshop on Revival of Waqf for Socio Economic Development, Dhaka, Bangladesh, 4-5 November 2017.

Šurković, Kenan dan Bojadžić, Elvira (2017), *Osmanska Arhitektura Sarajeva = Ottoman Architecture of Sarajevo = Saraybosna'da Osmanli Mimarisi*, Sarajevo: Monolit.

Todd, Ines. A. (2015), "Dervishes and Islam in Bosnia," dalam Suraiya Faroqhi, Halil İnalcık dan Boğaç Ergene (ed.), *The Ottoman Empire and its Heritage*, Leiden: Brill.

Yaycioğlu, Ali (1997), "Ottoman Fatwa: An Essay on Legal Consultation in the Ottoman Empire," Tesis Sarjana, Bilkent University.

*Zaim Karagöz el-Hac Mehmed Ağa Vakfı* (1570), Vakıflar Genel Müdürlüğü Defter: 987, h. 201, no. 64, Bosna Hersek Vakfiyeleri 2016.

Zheliazkova, Antonina (1994), "The Penetration and Adaptation of Islam in Bosnia from the Fifteenth to the Nineteenth Century," *Journal of Islamic Studies*, Jil. 5, Bil. 2, 187-208.

Zlatar, Behija (2004), "The Importance of *Vakf* Registers in Defters as Historical Sources," dalam Markus Koller dan Kemal H. Karpat (ed.), *Ottoman Bosnia: A History in Peril*, Madison: Centre of Turkish Studies, 175-178.

Zubčević, Asim (2015), "Book ownership in Ottoman Sarajevo, 1707-1828," Tesis Doktor Falsafah, Leiden University.